

1984

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) - - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI BELIAU BOLEH BERTINDAK KEATAS SEBARANG SUNGUTAN TERHADAP KERAJAAN SEKIRANYA PARA MENTERI KABINET DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN, BERTINDAK BALAS SECARA POSITIF TERHADAP SUNGUTAN YANG DIBUAT ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERADA DALAM KEADAAN YANG SUKAR KERANA SUNGUTAN-SUNGUTAN YANG DIBUAT KEPADANYA TERMASUK OLEH PEGAWAI-PEGAWAI RENDAH DAN PARA PENIAGA YANG KADANG-KADANG DITERIMA SECARA NEGATIF OLEH MENTERI-MENTERI KABINET DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN.

+KADANG KALA ORANG-ORANG BAWAHAN DAN PARA PENIAGA MENGADU KEPADA SAYA MENGENAI PERKARA-PERKARA TERTENTU DAN SAYA MENDAPATI DIRI SAYA DALAM SATU KEADAAN YANG SULIT.

+ JIKA SAYA MENYEBUT SUNGUTAN-SUNGUTAN ITU, MENTERI-MENTERI KABINET DAN PARA PEGAWAI KANAN SEGERA MEMBUAT KESIMPULAN BAHAWA SEPOLAN DAN SEPOLAN MEMBERITAHU SAYA BEGITU BEGINI DAN KEMUDIAN MENYALAHKAN ORANG YANG MEMBERITAHU SAYA ITU+, BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO SINI.

DI

BELIAU TELAH MENJELASKAN ARAHANNYA KEPADA PARA MENTERI KABINET DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BARU-BARU INI SUPAYA BERTINDAK BALAS SECARA POSITIF TERHADAP ADUAN-ADUAN YANG DIBUAT TERHADAP SIKAP MEREKA.

--LAGI 1940/AN

MAHATHIR-KABINET 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI YAKIN BAHAWA BELIAU TIDAK AKAN DAPAT MEMBETULKAN SEGALA KESILAPAN TERSEBUT, MELAINKAN PARA MENTERI KABINET DAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN BERTINDAK BERDASARKAN MERIT SESUATU KES DAN BUKANNYA DARIPADA CARA SUNGUTAN ITU DISAMPAIKAN KEPADANYA.

+OLEH ITU, SAYA MEMINTA MEREKA JANGAN TERSINGGUNG SEKIRANYA MEREKA MEMBUAT KESILAPAN DAN ORANG RAMAI DATANG MENGEMUKAKAN SUNGUTAN KEPADA SAYA, MAKA SAYA TERPAKSALAH MENARIK PERHATIAN MENTERI-MENTERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI BERKENAAN.

+JIKA SIKAP MEREKA BETUL, MAKA KITA BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH-TETAPI SEKIRANYA SIKAP MEREKA MERUPAKAN BALAS DENDAM TERHADAP SESEORANG YANG MEMBUAT ADUAN, MAKA SUKARLAH BAGI KITA HENDAK MENYELESAIKANNYA+.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA BEBERAPA KETIKA, MENTERI-MENTERI KABINET ATAU PEGAWAI-PEGAWAI KANAN TELAH MEMBUAT PENILAIAN YANG BERBEZA TERHADAP SEBARANG MASALAH KERANA MEREKA BERPENDAPAT PERKARA ITU TIDAK PERLU DIBERI PERTOLONGAN ATAU DIAMBIL TINDAKAN DALAM MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH BERKENAAN.

--BERNAMA 1959/AN